

# UMS akan k-sama dengan Olumis Borneo Batik untuk hasilkan batik etnik Sabah

OLEH MARRYAN RAZAN ([marryan@newsabahtimes.com.my](mailto:marryan@newsabahtimes.com.my))

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan bekerjasama dengan Olumis Borneo Batik House untuk menghasilkan produk motif batik etnik Sabah yang lebih menarik untuk dikomersilkan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr Kamaruzaman Ampon berkata, kerjasama itu akan membolehkan kedua-dua pihak menggunakan keunikan motif-motif batik etnik Sabah secara inovatif dan kreatif.

Beliau berkata, selain dari segi reka bentuk dan inovasi, penyelidik dari UMS akan menyediakan kepakaran dalam bidang perakaunan, pemasaran dan pelancongan kepada Olumis Borneo Batik House.

"Melalui Memorandum Persetujuan (MoA), kedua-dua pihak juga bersetuju untuk menghasilkan buku bertajuk 'coffe table' yang akan direkabentuk untuk memperkenalkan motif-motif etnik Sabah termasuk pengertian warisan budaya.

"Saya yakin buku ini, melalui aset etnik Sabah yang unik akan dapat menyumbang kepada pembinaan budaya 1Malaysia," katanya pada majlis MoA antara UMS dengan

syarikat batik itu, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu UMS turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Olumis Borneo Batik House adalah sebuah syarikat tempatan yang menghasilkan batik etnik Sabah. Ia ditubuhkan dua tahun lalu dan merupakan satu-satunya syarikat yang membekalkan batik etnik kepada pelancong dan pengguna tempatan di negeri ini.

Kamaruzaman berkata, walaupun minat terhadap produk batik masih pada tahap yang rendah di kalangan peniaga dan pengguna di negeri ini, namun pemilik Olumis Borneo Batik House yakin potensi pertumbuhan industri ini, khususnya berkaitan dengan batik etnik adalah tinggi.

Berkenaan dengan MoU antara UMS dan NOD, beliau berkata, ia bertujuan memperkuatkannya lagi kerjasama penyelidikan mengenai usaha melindungi dan mengurus sumber warisan laut Sabah.

"Kerjasama antara UMS dengan MOSTI sememangnya telah lama terjalin khususnya dalam pelbagai program kajian dan penyelidikan, termasuklah beberapa

penyelidikan mengenai usaha melindungi dan mengurus sumber warisan laut.

"Melalui MoU ini, pelbagai projek dan program telah dikenalpasti, merangkumi penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan sumber laut, penjanaan pengetahuan baru dalam pelbagai disiplin oseanografi, pembinaan keupayaan melalui latihan dan bengkel, mengadakan ekspedisi oseanografi, pembangunan Pusat Data Oseanografi Kebangsaan dan Inisiatif Coral Triangle (CIT)," katanya.

Kamaruzaman berkata, CIT adalah program besar yang tertumpu kepada penyelidikan dan pembangunan terumbu karang, perikanan dan keselamatan makanan di kawasan perairan Coral Triangle.

"Pengurusan sumber laut yang mapan berdasarkan kepada pengetahuan penting untuk Sabah, terutamanya dalam usaha menangani kesan perubahan iklim di mana sebahagian besar rakyat negeri ini tinggal di kawasan zon pantai dan menggunakan sumber laut hampir setiap hari," katanya.

Beliau berharap, kerjasama itu akan memberi manfaat kepada masyarakat umum.